JANGAN PILIH LITIGASI



PILIH PENGANTARAAN !

Pusat Pengantaran Malaysia
d/a Majlis Peguam Malaysia
No. 13, 15 & 17,
Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel:03 - 2031 3003
Fax : 03 - 2026 1313, 2034 2825, 2072 5818
e-mail: council@malaysianbar.org.my
Halaman Web: http://www.malaysianbar.org.my

Apakah *itu pengantaraan?*

Ia merupakan proses sukarela apabila pihak ketiga yang tidak berat sebelah, dikenali sebagai Pengantara, membantu pihak-pihak yang terlibat dalam satu pertikaian bagi menyelesaikan perselisihan mereka secara persahabatan.

1. Mengapakah *pilih pengantaraan?*

Pengantaraan popular di kebanyakan negara seperti Amerika Syarikat, Kanada, United Kingdom dan Australia. Proses ini lebih disukai kerana :-

- *Pihak-pihak terlibat mempunyai hak bersuara sepenuhnya ke atas keputusan akhir dan menentukan matlamatnya.*
- *Pihak-pihak bekerjasama dan tidak saling bertentangan.*
- *Pihak-pihak boleh mengekalkan, memulihkan atau membina semula perhubungan mereka.*
- *Pihak-pihak menikmati penjimatan yang cukup banyak dari segi kewangan dan masa.*
- *Ia tidak rasmi dan tidak bertelagah.*
- *Ia sulit dan tidak memudaratkan pihak-pihak berkenaan sekiranya hal mereka tidak dapat diselesaikan dan mereka membawa pertikaian itu kepada penimbangtaraan atau litigasi.*

2. Adakah hal kita *sesuai untuk pengantaraan?*

Pihak-pihak berkenaan seharusnya sentiasa mempertimbangkan pengantaraan sebagai pilihan pertama untuk menyelesaikan pertikaian komersial mereka.

Pengantaraan amat berkesan sekiranya pihak-pihak berkenaan mempunyai hajat yang ikhlas untuk menyelesaikan perselisihan mereka, mempunyai sikap tolak ansur, bersedia membincangkan masalah mereka dan sanggup bekerja ke arah mencapai penyelesaian.

Pengantaraan berguna khususnya apabila terdapat perhubungan berterusan antara pihak-pihak berkenaan atau apabila perhubungan itu penting bagi mereka. Ia juga sesuai untuk pertikaian apabila terdapat ruang untuk berkompromi.

Sebaliknya, jika pihak-pihak berkenaan tidak sanggup menyelesaikan hal itu, dan berkeras atas pandangan, kedudukan dan hak mereka di sisi undang-undang, maka pengantaraan tidak sesuai.

3. Bagaimana hendak *merujuk sesuatu hal kepada pengantaraan?*

Pihak-pihak berkenaan boleh menghubungi terus **Pusat Pengantaraan Malaysia (PPM),** yang telah ditubuhkan di bawah naungan Majlis Peguam Malaysia. Sekiranya pihak-pihak berkenaan belum mempersetujui dengan pengantara, PPM akan melantik pengantara yang sesuai yang dapat diterima oleh kedua-dua pihak dan menetapkan satu tarikh untuk sesi pengantaraan.

Sekiranya permintaan untuk proses pengantaraan datang dari sebelah pihak sahaja, PPM akan menghubungi pihak-pihak yang lain untuk bertanya sama ada mereka bersedia untuk menghadiri pengantaraan. Pengantaraan akan diteruskan hanya dengan persetujuan semua pihak.

4. Perlukah *kita menunggu?*

Pengantaraan lazimnya dikendalikan antara 1 hingga 2 minggu dari tarikh permintaan. Kesesuaian tarikh pengantaraan bergantung pada kesediaan pihak-pihak berkenaan, wakil-wakil mereka dan pengantara untuk menghadiri sesi tersebut. Dalam kes yang segera, pengantaraan mungkin diatur dalam 2-3 hari daripada tarikh permintaan.

5. Berapa lamakah *masa yang diambil?*

Proses pengantaraan mungkin mengambil masa antara beberapa jam hingga beberapa hari sehingga hal yang berkenaan mencapai penyelesaian atau tamat, bergantung pada kerumitan hal tersebut.

6. Siapakah *pengantara itu?*

Sebuah panel yang terdiri daripada para peguam yang berpengalaman dan terlatih. PPM akan mengesyorkan pengantara dengan mengambil kira jenis pertikaian, kemahiran pengantara dan sebarang kehendak khusus pihak-pihak berkenaan.

7. Bagaimanakah *ia dikendalikan?*

Satu masa dijadualkan bagi pihak-pihak berkenaan bertemu di mana kenyataan ringkas fakta-fakta perlu dibawa bersama. Syarikat-syarikat boleh menghantar wakil yang diberi kuasa penuh untuk berunding dan menyelesaikan hal berkenaan. Pengantaraan boleh dikendalikan dalam bahasa Inggeris dan/atau bahasa Melayu. Sebarang keperluan khusus pihak-pihak berkenaan boleh disediakan atas permintaan.

8. Bagaimanakah *pihak-pihak berkenaan* mencapai penyelesaian?

Pihak-pihak tersebut mencapai penyelesaian sendiri. Peranan pengantara adalah untuk memudahkan proses mencapai matlamat itu. Pengantara akan menyediakan terma-terma penyelesaian dan sekiranya pertikaian dibawa ke Mahkamah maka terma-terma berkenaan harus direkodkan di hadapan Hakim untuk menjamin kedudukan pihak-pihak berkenaan .

9. Adakah ia *lebih murah?*

Ya. Berita yang baik ialah pengantaraan lebih murah, lebih tidak rasmi dan anjal. Kos proses ditanggung bersama seperti yang berikut:

Kos

Jumlah Tuntutan*	Yuran Pengantara Setiap Pihak
RM100,000 dan di bawah	RM 500 sehari atau sebahagiannya
RM100,001 - RM 250,000	RM 750 sehari atau sebahagiannya
RM250,001 - RM 500,000	RM 1,000 sehari atau sebahagiannya
RM500,001 - RM 750,000	RM 1,250 sehari atau sebahagiannya
RM750,001 - RM 1,000,000	RM 1,500 sehari atau sebahagiannya
RM1,000,001 - RM 2,000,000	RM 2,000 sehari atau sebahagiannya
RM2,000,001 - RM 3,000,000	RM 2,500 sehari atau sebahagiannya
RM3,000,001 - RM 5,000,000	RM 3,000 sehari atau sebahagiannya
RM5,000,001 - RM 10,000,000	RM 4,000 sehari atau sebahagiannya
di atas RM 10,000,000	RM 5,000 sehari atau sebahagiannya

(NB: Skala Yuran bagi Pengantara tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa)
Bayaran Pentadbiran RM 300*

* *Jumlah tuntutan hanya sebagai garis panduan sahaja dan tidak dapat dipakai untuk semua kes. Sebarang kemusykilan atau pertikaian hendaklah dirujuk kepada Pusat Pengantaraan Malaysia untuk keputusan muktamad.*

** *Bayaran Pentadbiran dan kadar penyewaan bilik (sila rujuk muka surat sebelah) adalah ditanggung bersama oleh pihak berkenaan.*

PUSAT PENGANTARAAN MALAYSIA

BAYARAN UNTUK MENYEWA KEMUDAHAN PUSAT

PENYEWAAN	
Satu Hari	Setengah Hari*
RM 350.00	RM 175.00

* Kadar setengah hari hanya boleh dipakai sekiranya:

i. Diberitahu ketika membuat tempahan;
ii. Tempoh sesi bermula dan berakhir seperti yang ditetapkan;
iii. Bilik disewa tidak melebihi 3 jam.

Untuk pertanyaan lanjut sila hubungi:

Pusat Pengantaran Malaysia
d/a Majlis Peguam Malaysia
No. 13, 15 & 17,
Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel : 03 - 2031 3003
Fax : 03 - 03-2026 1313, 2034 2825, 2072 5818
E-mail: council@malaysianbar.org.my
Halaman Web: http://www.malaysianbar.org.my